

# BAHASA MELAYU SEBAGAI SENI DAN SENJATA DALAM MENCIPTA KHAZANAH ILMU

*Kamsiah Abdullah*

## **Abstrak**

Makalah ini membicarakan dua konsep yang kelihatan bertentangan, iaitu seni dan senjata yang dihubungkan dengan fungsi sejarah, sosial dan politik bahasa yang hidup dinamik dalam masyarakat. Renungan khusus ini dikhususkan tentang bahasa Melayu dan peranannya sebagai seni dan juga senjata dalam meningkatkan khazanah ilmu.

Hasil karya sastera kitab dan peranan besar sasterawan sufi dirujuk sebagai contoh penggunaan seni halus terindah dan juga senjata tajam yang berkesan dalam penguasaan bahasa Melayu. Falsafah Islam dan sufisme dalam rangkaian hubungan Ilahi, alam, manusia dan bahasa, seni serta senjata dibincang dalam rangka pencarian makna hakiki dan penciptaan serta pengembangan ilmu. Melalui jalan ini, peradaban Melayu dapat diperkukuhkan dan dibangunkan dalam menghadapi cabaran zaman.

## **Abstract**

*The paper essentially deals with two concepts, namely, language as an art and language as a weapon, interwoven into the dynamic function of language in society. Relevant aspects of the historical, social and political function of Malay language were drawn in order to support the thesis. The main focus was the contribution of sufisme, evident in their numerous great works found in kitab literatures, as the highest form of art while at the same time enumerating the most effective weapon.*

*The role and power of language as used artistic representation, and as a tool by the Malay sufis such as Hamzah Fansuri in their quest for esoteric meanings in the ultimate creation and dissemination of knowledge was discussed in relation with Islam. Empowerment of the Malay community can be achieved if its language is used as an effective weapon in search for valid knowledge.*

## PENDAHULUAN

Keupayaan bahasa Melayu dalam memperkaya, memperluas kebudayaan masyarakat peribumi Melayu dan bangsa-bangsa serumpun telah dibuktikan dalam jalinan sejarah rantau sepanjang zaman. Bahasa Melayu telah digunakan dalam sistem pemerintahan kerajaan-kerajaan yang besar seperti kerajaan Melayu Melaka, kerajaaan Johor Riau, kerajaan Brunei, Sambas dan lain-lain. Bermula dari kerajaan di pesisir, bahasa Melayu telah berkembang dan dikembangkan melalui perdagangan antara kepulauan yang begitu dinamik dan produktif. Bahasa yang mulanya sebagai bahasa perantaraan perdagangan di sekitar Dunia Melayu itu kemudian menjadi alat penyebaran agama dan alat perubahan tamadun dari jahiliah ke cahaya kebenaran agama Islam yang diterima oleh peribumi secara reda dan aman sejahtera sejak kurun ke-13 Masihi.

Dalam abad-abad seterusnya telah berlaku pertembungan budaya, tekanan, peperangan, dan penjajahan Barat. Namun, bahasa Melayu terus melebarkan fungsinya menjadi alat perjuangan atau inti nasionalisme yang berkesan sama ada di Indonesia ataupun Tanah Melayu sehingga ternyahnya penjajah dan terbentuknya negara-negara merdeka, melalui bahasa Melayu di Nusantara iaitu di Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura. Semangat dan jiwa bahasa inilah juga yang menjadi jentera atau perjuangan memperoleh kemandapan dan kemakmuran ekonomi dalam era pascamerdeka. Kini, bahasa Melayu yang juga menjadi asas kepada bahasa Indonesia itu menghadapi cabaran baru globalisasi setelah negara menghadapi cabaran ke arah kehidupan berasaskan ekonomi moden.

Sejarah keagungan dan kegemilangan bahasa Melayu harus digunakan sebagai unsur motivasi dalam menghadapi cabaran-cabaran baru keadaan politik dan ekonomi dunia hari ini. Sebagaimana kenyataan Fishman (1972) bahawa bahasa bertindak sebagai rantai penghubung dengan kejayaan bangsa zaman silam yang sungguh bererti. Kesenambungan sejarah kuasa bahasa Melayu dari segi politik dan fungsi sosialnya untuk mengubah tamadun Melayu telah memberi semangat baru dalam meningkat tamadun ummah. Jika diteliti terserlah bahawa kekuatan dan kekuasaan itu yang wujud pada jiwa bahasa Melayu itu berlaku seiring dengan intelektualisme Melayu khususnya perkembangan, peningkatan, dan pengeluaran ilmu pengetahuan dalam masyarakat. Dalam zaman serba canggih ini pula, untuk memperteguh dan memperkasakan tamadun Melayu itu, peranan bahasa Melayu yang kita warisi dalam penjaanan dan penguasaan ilmu duniawi dan ukhrawi itu perlu dikaji semula dari pelbagai perspektif termasuk dari sudut kejayaan sejarah silamnya.

## Bahasa: Satu Warisan Peradaban

Pada asasnya bahasa ialah suatu alat komunikasi yang amat penting antara setiap anggota masyarakat dalam setiap kelompok budaya. Lebih dari itu bahasa menjadi unsur utama dan penanda identiti atau jati diri sesuatu bangsa atau kaum. Bahasa ibunda setiap kaum-kaum ini diwarisi oleh setiap kanak-kanak yang hidup dalam masyarakat penutur tersebut sebagai suatu kekayaan yang tidak ternilai harganya. Pemerolehan bahasa kanak-kanak ini dikatakan berlaku secara alamiah kerana setiap kanak-kanak yang lahir ke dunia tersedia dianugerah suatu alat pemerolehan bahasa (*language acquisition device*) yang membolehkannya mempelajari dan menguasai bahasa ibundanya masing-masing sehingga ke tahap yang paling tinggi yang boleh dicapai. Melalui bahasa yang dikuasainya seseorang boleh melakukan segala macam peranan dan tugas dalam kehidupannya.

## Mengapa Digunakan Konsep Seni dan Senjata

Dua konsep yang kelihatan bertentangan – *seni* dan *senjata* sengaja di diketengahkan untuk membincangkan dimensi fungsi sosial bahasa yang hidup dinamik dalam masyarakat. Renungan khusus ini diperuntukkan tentang bahasa Melayu dan penggunaannya dalam masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran zaman. Konsep ini juga dipilih kerana ini merupakan titik tolak dua hujung ekstrem suatu dimensi selari yang boleh menggambarkan bukan sahaja fungsi sesuatu bahasa tetapi juga memperlihatkan dinamika bahasa tersebut dalam lautan perubahan sosial, ekonomi, dan politik masyarakat penuturnya secara diakronik dan juga sinkronik.

Konsep seni dan senjata, sebagai lambang, atau ikon abstrak yang bertentangan memang sarat berisi emosi hebat. Konsep yang mengejutkan ini dengan sendirinya akan berupaya menggugah pandangan dan pemikiran secara berkesan. Lagipun dalam keadaan *ambivalen* (mendua) ini, kita harus dapat menemukan garisan perseimbangan di antara dua gagasan yang saling melengkapi dan unggul ini.

## Konsep Seni dalam Bahasa

Seni merupakan belbagai ragam dan bentuk-bentuk estetik, berupa material dan bukan material yang dinilai dan dipandang tinggi, luhur, indah, halus, dan murni dalam sesuatu kebudayaan. Apabila seni digandingkan dengan bahasa maka dapat diumpamakan seni bahasa itu sebagai bahan bahasa yang indah halus, murni dan diberi penilaian tinggi oleh masyarakat.

Seni bahasa ini umpama bahan mentah yang diolah, diadun, digubah dan dicipta menurut keupayaan dan kekreatifan para pengguna sesuatu bahasa sehingga bahasa tersebut mencapai mercu keindahan yang tinggi. Oleh itu, terbitlah hasil dari keupayaan dan kreativiti pengkarya dan juga pengguna sesuatu bahasa itu. Proses penyebatian di antara bahan atau alat ini dengan daya kreatif manusia inilah yang menghasilkan suatu karya seni bahasa yang indah.

Seni bahasa yang indah-indah ini dinamakan sastera atau kesusasteraan sejak dahulu, hasil seni dan sastera diberikan nilai estetika yang tinggi, dapat menyentuh jiwa, dihayati dan dinikmati oleh anggota masyarakat, khasnya mereka yang berpendidikan. Namun seni dalam berbahasa tidak semesti hadir dalam karya-karya sastera sahaja tetapi menjadi pakaian atau hiasan manusia yang berbudi dan berakhlak tinggi.

Khazanah warisan bahasa Melayu ternyata amat kaya dengan pelbagai hasil seni bahasa yang digubah oleh para sasterawan, cendekiawan, dan seniman Melayu dahulu dalam bentuk lisan ataupun bertulis. Dari itu telah timbul pelbagai genre seni bahasa seperti seni tutur, seni kata, seni penulisan, seni khat, seni drama, seni dalam penceritaan, seni sastera, seni persuratan, peribahasa, dan sebagainya.

Satu genre unggul Nusantara ialah pantun yang telah sehati dengan jiwa manusia Melayu. Pantun yang baik dirasakan seperti hidup secara harmonis dan kaya dengan unsur-unsur alam sekelilingnya. Contoh dari dua kerat pantun ini cukup untuk kita menikmati keindahan kata, imageri dan makna yang terangkum dalam bahasa Melayu.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Walau badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.*

*Yang kurik kundi,  
Yang merah saga;  
Yang baik budi,  
Yang indah bahasa.*

Sealiran dengan pemikiran tentang fungsi bahasa – terdapat pelbagai genre bahasa yang khusus berfungsi untuk mencapai atau memperlihatkan tujuan atau matlamat genre sesuatu bahasa. Seni bahasa atau sastera, walau dalam keadaan halus, indah, murni dapat diperalatkan sebagai senjata untuk

mencapai sesuatu tujuan sosial ataupun politik. Suatu ungkapan, satu ayat sahaja boleh menaikkan semangat seluruh bangsa untuk memberontak. Apa lagi hasil-hasil seni agung yang memperlihatkan kepandaian dan keupayaan intelektual masyarakat yang melahirkannya.

## **Bahasa sebagai Senjata**

Senjata mempunyai dwifungsi. Biasanya difahamkan sebagai suatu alat yang tajam dan berbahaya yang boleh digunakan untuk melukakan, membunuh atau mengalahkan musuh dalam sesuatu pertempuran atau peperangan. Senjata melambangkan kekuatan dan kekuasaan. Orang-orang yang bersenjata bahkan negara yang mempunyai senjata digeruni orang atau negara lain. Pihak musuh perlu berfikir dua tiga kali jika hendak menyerang. Senjata juga boleh menjadi alat pelindung atau penahan untuk menangkis serangan, dan jika digunakan untuk tujuan yang baik, dapat menjadi alat perdamaian dan pelindung yang berkesan.

Ringkasnya, fungsi 'senjata' dapat disimpulkan sebagai suatu alat untuk mencapai matlamat atau tujuan secara yang berkesan atau efektif. (Kamsiah, 1998). Dalam pada itu senjata yang tajam pun boleh mempamerkan keindahan seninya. Ini dapat dilihat dalam teknik pembuatan alat pemusnah moden dan juga dalam pedang, tombak, dan keris yang magis dalam zaman silam.

Suatu perkara yang unik dalam bahasa Melayu ialah wujudnya beberapa jenis kata seperti mantera yang dipercayai mempunyai kuasa ghaib atau magis. Hanya dengan mengucapkan kata-kata tersebut sahaja perkara yang dihajati boleh terkabul. Mantera yang dimaksudkan memang jelas menunjukkan fungsi kuat 'senjata' dari seninya. Ini ternyata dalam ilmu kekebalan para pendekar Melayu yang banyak diamalkan pada zaman dahulu:

*Bismillahir rahmanir rahim payung aku  
Malaikat Jibril kota aku  
Malaikat empat puluh empat pagar aku  
Aku berjalan dengan lenggang Muhammad  
Aku berkata dengan kata Allah  
Berkat doa Lailahaillallah.*

Bahkan, huruf-huruf Jawi kerap digunakan sebagai azimat atau senjata mempertahankan diri ataupun untuk kekuatan psikologikal dalam menentang musuh. Contohnya, azimat tahan api dan terjauh dari senjata lawan yang diperturunkan di bawah ini.

### Azimat Supaya Tahan Api

ب	ر	ل	ا
ا	ب	ر	ل
ل	ا	ب	ر
ر	ل	ا	ب

Sumber: Abdul Hamid Zahwan, 2000.

### Azimat Terjauh dari Senjata Lawan

Azimat atau tangkal dalam rajah di bawah ini pula gunanya ialah supaya terjauh dari senjata lawan. Cara membuatnya tulis di sekeping kertas putih bersih, dan bawa ke mana-mana. Insya-Allah ini akan menjadikan seorang itu terhindar dari sasaran senjata musuh.

س	دو	ق	ال
ال	ق	دو	س
دو	س	ال	ق
دو	ال	س	ق

Sumber: Abdul Hamid Zahwan, 2000.

Kedua-dua sifat sebagai seni dan juga senjata terletak pada bahasa. Tetapi keadaan ini tidaklah semestinya seimbang. Ada bahasa yang kuat fungsi seni tetapi kurang atau lemah fungsi senjatanya, dan sebaliknya ada yang memperlihatkan fungsi senjata lebih kuat dari pancaran seninya. Misalnya genre dalam bahasa Melayu seperti pantun memperlihatkan kekuatan seni indahny a daripada tajam senjatanya. Genre sastera kitab dan

doa-doa dan sebaliknya membayangkan fungsi sebagai senjata yang lebih kuat daripada fungsi seninya.

Dalam halaman seterusnya, penulis akan mengemukakan suatu genre khas dalam sastra Melayu iaitu sastra kitab dan membincangkannya dalam lingkupan dua konsep yang berkaitan ini, iaitu seni dan senjata. Hasil karya sasterawan kitab khususnya sasterawan sufi dapat dilihat sebagai satu mata wang yang mempunyai dua muka atau sisi, di satu sisi memperlihatkan keindahan dan daya tarikan bahasa yang memikat dan sebelah sisi lagi menunjukkan kegunaan dan manfaatnya sebagai suatu senjata tajam yang dapat mengubah manusia Melayu pada zamannya.

Karya-karya agung seperti *Sejarah Melayu*, *Tajalus-Salatin*, *Tuhfat-al-Nafis*, *Hikayat Perang Makassar*, *Hikayat Merong Maha Wangsa* dan, banyak lagi, termasuk bahasa warisan dari seni senjata yang ulung. Sebahagian daripada karya-karya silam warisan sastra Melayu ini dihasilkan oleh sasterawan sufi atau ulama sasterawan.

### **Sastra Sufi – Puncak Pengucapan Seni Melayu**

Ramai para orientalis dan juga pemikir dan pengkritik sastra Melayu seperti Ali Hasymi, Teuku Iskandar, A.H. Johns, Amin Sweeney, Syed Naguib al-Attas, Braginsky, Vladimir I, Muhammad Haji Salleh, Salleh Yaapar, Mana Sikana, Abu Bakar Shafie, Abdul Hadi W.M., dan lain-lainnya mengakui sumbangan besar tasawuf dan ulama sasterawan atau sasterawan sufi yang menyerlahkan seninya dalam karya-karya agung sufistik. Hasil karya mereka diangkat sebagai karya-karya agung yang telah mencipta sejarah baru dalam dunia bangsa dan bahasa Melayu. Sebagai suatu pengucapan seni jenis sastra ini telah mencapai mercu keindahan dan keagungan yang menjadi kebanggaan Dunia Melayu. Melalui seni bahasa Melayu, sasterawan sufi atau ulama sasterawan berjaya mengungkap puncak keasyikan rohaniah, sesuatu yang diakui sukar ditempo tanpa memiliki alat bahasa yang cukup tajam dan canggih. Sebahagian dari karya-karya ini, misalnya karya Hamzah Fansuri, Nuruddin Ar-Raniri, Al-Banjari terungkap dalam kitab-kitab ‘kuning’ yang masih dihayati hingga kini.

### **Falsafah Sufisme dan Bahasa**

Seni dan puisi atau keindahan bahasa dan kata-kata dalam segala macam bentuknya merupakan sebagai ekspresi dari satu kebenaran yang hakiki dan sejagat. Keindahan kata itu dianggap sebagai penurunan dari nur atau

cahaya kalam Ilahi. Allah memperlihatkan *ayat-ayat-Nya* di segala ceruk cakerawala alam (makro kosmos) termasuk dalam diri manusia itu (mikro kosmos).

Aliran sufisme atau tasawuf kerap menggunakan lambang *kata-kata* atau *teks* dalam erti kata secara langsung bagi mengungkapkan konsep alam jagatraya dan manusia. Kedua-duanya jagatraya dan manusia yang dirupakan sebagai *kata* atau *teks* itu diberi urutan tanda-tanda fonetik atau grafik bermakna yang disusun menurut peraturan tertentu. Sebenarnya pandangan ini tidak jauh dari pegangan seorang linguist terkenal, Thomas Jones, tiga abad lalu, yang mengujarkan bahawa bahasa adalah suatu organisma dan hidup, seperti juga makhluk-makhluk lain.

Bahkan menurut Aziz Nasafi seorang tokoh sufi termasyhur dan berpengaruh pada abad ke-8 hingga awal abad ke-19, manusia yang dipandang sebagai mikro kosmos, adalah merupakan “naskhah dan alamat” dari kedua-dua alam, iaitu makrokosmos dan mikrokosmos. Beliau ditukil oleh Braginsky (1993) sebagai berkata,

*Ketahuilah olehmu, bahawa setelah mencipta segala yang ada, Tuhan yang Maha Tinggi menamakannya sebagai alam, kerana alam ialah alamat wujud-Nya. Di dalam wujud alam ada Ilmu, Iradah dan Kudrat-Nya yang berupa alamat dan yang berupa naskhah; maka kerana ia adalah alamat, dinamakannyalah sebagai alam; dan oleh kerana iapun adalah naskhah, dinamakannyalah sebagai kitab.*

Ringkasnya manusia adalah alam dan alam adalah alamat. Alamat itu bersamaan dengan naskhah, dan ini bersamaan dengan kitab dan kitab pula adalah ilmu yang ditulis oleh Ilahi. Menurut tradisi tasawuf kitab suci al-Quran dipersamakan dengan kitab makrokosmos dan kitab mikrokosmos.

Seorang ahli sufi, Attar pula menulis:

*Jangan pandang hina pada kata-kata,  
Sebab dua alam penuh dengan satu kata belaka: “Kun!”  
Asas kedua alam itu pun tiada lain kecuali kata,  
Sebab keduanya diciptakan dengan kata “Kun!” dan dapat  
Dimusnahkan dengan kata “La Yakun!”  
Kata diturunkan oleh Tuhan yang Maha kuasa,  
Kata ialah kemasyhuran nabi-nabi...  
Muhammad, yang padanya diajukan kata “Kun!”*

(iaitu Nur Muhammad, yang diciptakan dunia dengan kata itu).

(dipetik dalam Braginsky, 1993:16)



Seterusnya dijelaskan bahawa segala kejadian dan ehwal seperti “menjadi raja di malam Isra” boleh berlaku hanya kerana kekuatan *kata*. Segalanya terbatas selama belum diucapkan dalam bentuk kata. Bahkan dipercayai bahawa *Lauh al-Mahfuz* (yang mengandungi prototaip segala yang ada), berupaya menampung segala-galanya hanya dengan kekuatan kata. Keindahan, kemanisan dalam kata itu juga dipercayai memberi kuasa dan keberdayaan yang amat kuat apabila digunakan dalam penciptaan karya tingkat tertinggi kesenian bahasa.

### Bahasa Sufistik

Kemahiran ahli-ahli sufi dalam bermain dengan kata-kata yang puitis begini dikaji oleh Braginsky, 1993, dalam penelitiannya tentang ‘Keindahan dalam Puisi Tasawuf’. Mereka ini (tokoh-tokoh sufi) dikatakan sebagai sengaja menggunakan kemampuan semantik kata-kata bersangkutan sedemikian rupa, agar dalam konteks yang sama kata-kata tersebut dapat sekali gus diberi sekurang-kurangnya dua erti – sebagai *Kata Ilahi* dan sebagai *kata puisi*.

Kecantikan bahasa dan kemampuan bahasa Melayu dalam perlambangan dipergunakan dengan berkesan oleh pujangga sufi yang agung seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin ar-Raniri dan lain-lain. Menurut (Abdul Hadi W.M., 1993), Hamzah Fansuri telah menaikkan darjat bahasa Melayu dengan keindahan lambang-lambang falsafahnya yang unggul walaupun beliau telah terpengaruh dengan sastera Parsi.

“kitab-kitab karya Hamzah Fansuri termasuk Rub’*ai* Hamzah Fansuri berjaya mengangkat bahasa Melayu daripada bahasa *lingua franca* ke taraf bahasa intelektual dan metafisik.”

(Abdul Hadi, 2001:3)

Nikmatilah apa yang digubahnya untuk memperkatakan ilmu yang dipetik dari *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*.

*Yogia kaupandang kapas dan kain,  
Keduanya wahid asmanya lain,  
Wahidkan hendak zahir dan batin,  
Itulah ilmu kesudahannya main.  
Anggamu itu asalnya tahir,  
Batannya arak zahirnya takir,  
Lagi kau saqi lagi kau sakir,  
Itulah Mansyur menjadi nazir.*

*Hunuskan mata tunukan sarung,  
Isbatkan Allah nafikan patung,  
Laut tauhid yogia kauharung,  
Itulah ilmu tempat bernaung.*

(*sumber*: Sheikh Syamsudin ibn Abdullah Sumatrani. *Kitab  
Syarah Rubai Hamzah Fansuri*, hlm. 21 – 8)

## Ilmu dan Bahasa Sufistik

Demikianlah bahasa sebagai seni halus juga mempunyai kekuatan atau kekuasaan menakjubkan. Bahasa terikat dengan segala isinya, iaitu kuasa dan juga ilmu. *Bahasa adalah kitab* dan dengan demikian *bahasa adalah ilmu*. Pemikiran cendekiawan sufi Nusantara ini sangat *original* dan menarik. Begitu hebatnya gagasan ini ditangani tokoh-tokoh sufi sehingga *bahasa ilmu* ini berkembang hingga mencapai mercu intelektualisme yang tinggi.

“Kemudian berfirmanlah Dia: Barang siapa yang akan membaca kitab ini akan mengenal Kami, serta Ilmu dan Iradah dan Kudrat Kami. Kita, manusia, terlalu kecil; sedangkan kitab-Nya terlalu besar. Maka gagallah pandangan kita untuk melihat tepinya dan seluruh permukaannya. Maka, Ustadz (Teralah) yang melihat kelemahan kita, lalu membuat salinan dari itu serta menjadikan kitab tersebut lebih kecil. Kitab yang pertama dinamakan alam kabir (besar), dan kitab yang kedua dinamakan-Nya alam saghir (kecil); kitab yang pertama disebut-Nya kitab besar, dan kitab yang keduanya disebutnya kitab kecil. ....

(*sumber*: Braginsky, 1993)

Menurut Braginsky (1993) yang memetik karya Nizami (abad ke-12), “Dalam Perbendaharaan Rahsia-rahsia” menggambarkan bahawa “kata” ialah hasil ciptaan yang paling awal.

*Sesaat Kalam bergerak pertama kali,  
Ditulisnya huruf kata yang pertama.  
Ketika tirai penutup tempat rahsia terbuka  
Penampilan sulung diberi pada kata.*

(Braginsky, 1993)

Begitu juga seterusnya, Pencipta membukakan mata digambarkan begini pula:

*Waktu Kalam mulai bergerak ulang-alik,  
Ia membukakan mata dunia dengan kata.*

*Kiranya tak ada kata tentang dunia, maka barang siapa pun tak mendengar tentangnya.....*

**Kata** juga ditampilkan sebagai inti pati pencipta mikro kosmos-manusia yang paling dalam:

*Selagi kata belum merayu (jiwa) dengan sepenuh hati,  
Jiwa pun belum lagi menyerahkan tubuhnya yang bebas pada tanah  
liat ...*

*Di dalam kamus 'isyq kata ialah jiwa kita,  
Kita ialah kata, adapun reruntuh ini kediaman kita.*

(Nizami Ganjawi, 1983: 43–44)

Proses reduksionis dari Kalam Ilahi yang menyusuli Kata Ilahi 'Kun' menjadikan alam dan dari alam menjadi manusia kadang-kadang digambarkan sebagai mempunyai koresponden dengan huruf-huruf abjad Arab. Misalnya wujudiah badan dan raut muka manusia disamakan dengan huruf-huruf sehingga semua huruf abjad Arab dapat 'dibaca' pada tubuh manusia. Huruf 'mim' sepadan dengan mulut, mata dengan 'sad' atau 'ayn'. Seluruh tubuh membentuk nama Muhammad. Dalam ibadat sembahyang, gerakan-gerakan tertentu 'menulis' nama Allah dan nama Muhammad. (Darlan Zaini, 2002).

Demikian kata dan juga huruf dalam sesuatu bahasa yang mempunyai signifikan makna yang berlapis-lapis dan amat dalam, disenyawakan dalam segala bentuk ilmu jagatraya. Penulis biasanya mendapat ilham dalam pengalaman kreatif dari Ilahi hasil renungan batin yang dilakukan. Mereka 'membaca' secara kreatif sesuatu makna dan ilmu yang tersembunyi di alam semesta dalam proses mereka mencari kebenaran ilmu yang hakiki. Pembaca biasa yang juga membaca hasil renungan tersebut perlu juga melalui proses kreatif sebelum dapat menjangkau makna sebenar di sebalik kata-kata tersirat tersebut.

Definisi pembacaan kreatif ini selalu mengaitkan proses pembacaan itu kepada perolehan suatu 'insight' atau cetusan ilham yang datang dari pengalaman terkumpul seseorang pembaca. Pembacaan al-Quran, iaitu "penulisan atau penciptaan maha kreatif Ilahi" wajar dikatakan sebagai suatu proses "pembacaan kreatif" seseorang makhluk akan "teks atau naskhah" yang dialamatkan kepada alam ini.

Seterusnya untuk membaca secara kreatif memerlukan pengalaman atau ilmu dan ilmu itu alatnya yang utama ialah bahasa. Bahasa yang digunakan oleh tokoh sufi sungguh sarat dengan pelbagai makna dalaman

dalam rangkaian perlambangan dengan kata-kata yang indah telah mencapai tahap yang tinggi sekali dalam bahasa Melayu.

## Kata dan Makna

Kerana makro dan mikrokosmos itu adalah teks, teks itu pula mengandungi 'makna'. Makna yang hakiki terangkum dalam ilmu inilah yang menjadi sasaran penjuatan seorang salik. Seorang tokoh sufi, Rumi, dipetik sebagai berkata,

“Jika rahsia makrifat hendak kau capai  
Buanglah huruf.ambillah makna.”

(Abdul Hadi, 2001:13)

Adalah di luar jangkauan makalah ini untuk membicarakan makna yang tersirat dan tersembunyi di sebalik kata-kata itu tetapi memadai untuk kita merasakan betapa bertingkat, bulat, dan berbelitnya makna kehidupan dan makna batin di sebalik kata atau bahasa. Makna menampung ilmu yang tersusun mengikut hierarki tertentu.

Dalam hal ini, iaitu makna yang terdapat dalam al-Quran menurut penelitian Sulami (yang dipetik daripada Abdul. Hadi, 1993), ayat-ayat al-Quran dibahagikan kepada empat jenis tingkatan makna:

1. Ayat-ayat *ibarah* yang diperuntukkan kepada orang biasa dan dapat ditafsirkan secara harafiah.
2. Ayat-ayat *isyarah* untuk mereka yang memiliki pengetahuan dan ini memerlukan tafsir berdasarkan pemikiran yang mendalam.
3. Ayat-ayat *lataif* (halus) untuk para aulia,
4. Ayat-ayat *haqiq* yang maknanya hanya diketahui oleh Nabi.

Ada yang mengkategorikan tingkat makna kepada dua:

1. Tingkat makna harafiah dan moral (makna lahir atau permukaan)
2. Tingkat makna analogis dan simbolik (mendalam, batin)

Ahli-ahli sufi atau rohaniah ini tentunya menuju kepada makna batin sesuatu “teks” yang bermaksud, “Ilmu”. Maka pengenalan ilmu ini sewajarnya mereka pandang sebagai semacam, “pembacaan”. Dan dalam ‘pembacaan semacam itu akan mengalir sama unsur-unsur kreativiti yang bersamaan dengan konsep “seni”. Kreativiti atau “kesenian” dalam pembacaan seperti ini selaras dengan teori-teori kajian bacaan pegangan kini seperti yang mula diketengahkan oleh

Russel (1955), Nardelli (1957), kemudian oleh Torrance (1962), Rumelhart, (1980), Cunningham (1987) dan pakar-pakar lain .

Khazanah ilmu dilambangkan sebagai hasil daripada proses penciptaan atau ‘pembacaan’ – segala ilmu yang dicipta oleh Yang Maha Kuasa hanya dengan Kata. Bahasa pula menjadi kunci untuk manusia mendapat semula ilmu yang telah dianugerahkan dengan *kata* itu, atau mencipta semula ilmu tentang alam jagatraya yang dilambangkan sebagai teks atau ‘kitab’ itu.

Oleh sebab *kata* mendasari segalanya, manusia lakukan segala dengan ‘kuasa’ *kata*. Maka tuntutan ilmu dengan (atau melalui) kata (atau bahasa). Penyebatian antara ilmu dengan bahasa tersimpul secara amat erat. Matlamat terakhir yang harus dicapai oleh manusia dalam proses ‘pencarian’ di dunia ini ialah ilmu yang tertanam sangat dalam, dan dibungkus dengan lapisan-lapisan bahasa yang kita warisi. Sebagai sebuah lukisan abstrak, keupayaan memahami dan menghayati ilmu bergantung kepada tahap ilmu dan kemahiran orang yang melihat (di sini orang yang membuka bungkusan ilmu itu) melalui daya bahasa.

Bahasa, sebagai sarana komunikasi dan ekspresi manusiawi, merupakan wadah ‘makna’ (*the locus of meaning*). Yang hendak ditemui ialah makna asal atau yang tersembunyi di sebalik ungkapan. Pemahaman aktif simbolik yang dicari ahli rohaniah adalah cermin yang sebenarnya dalam jiwa manusia.

## **Konsep Bahasa sebagai Senjata**

Sekarang, setelah jauh berbicara tentang bahasa, seni bahasa di tangan kaum sufi dan pentingnya sari makna sebagai sari ilmu marilah kita beralih kepada konsep senjata dalam berbahasa. Senjata bermakna sesuatu alat tajam yang digunakan untuk membunuh, melukakan atau menyakiti orang lain dan lazim digunakan dalam masa pergaduhan, pertempuran, dan peperangan. Senjata ialah alat yang digunakan untuk mencapai tujuan khusus, iaitu kemenangan. Namun senjata juga tidak semetinya suatu alat atau benda yang maujud. Lidah, keimanan, ilmu dan sebagainya diiktibarkan sebagai senjata jika digunakan dalam sesuatu perjuangan – sama ada perjuangan peribadi melawan hawa nafsu atau perjuangan besar melawan penjajahan dan penindasan.

Oleh sebab bahasa merupakan anugerah Ilahi bagi manusiawi secara semula jadi dan universal, sesungguhnya berpotensi untuk menjadi senjata yang paling tajam dan paling berkesan untuk memperoleh kemenangan lahiriah atau rohaniah, kemenangan kebendaan atau jasmani, kemenangan sekarang atau akan datang.

## **Bahasa dan Ilmu**

Bahasa tidak dapat dipisahkan dengan ilmu. Dari lipatan sejarah tamadun dunia diperlihatkan bagaimana dalam tamadun besar seperti tamadun Yunani yang terkenal dengan falsafah agungnya mempercayai bahawa ilmu itu datangnya daripada bahasa. Ilmu adalah bahasa dan bahasa itu adalah ilmu. Falsafah bahasa Aristotle, Plato, melibatkan analisis bahasa yang kompleks dan sarat dengan ilmu.

Yang menguasai ilmu atau “bahasa yang berisi makna” termasuk seni bahasa ialah para cendekiawan dan elit tertentu dalam sesuatu masyarakat, bangsa, termasuk mereka yang berdarah bangsawan ataupun yang mempunyai kekuasaan agama. Misalnya ilmu dalam agama Hindu, bahasa Sanskrit yang suci hanya dikuasai oleh golongan atasan kasta Hindu, iaitu kaum Brahmin. Ilmu-ilmu tentang agama Kristian yang tersebar melalui bahasa Latin dan Perancis adalah milik kaum intelektual dan paderi-paderi yang istimewa. Begitu juga dengan kaum-kaum lain. Hanya golongan atasan dan intelektual dalam sesebuah masyarakat yang ‘menguasai’ bidang ilmu.

Akan rakyat jelata mereka tidak berdaya untuk mendapatkan ilmu kerana beberapa hambatan dari faktor politik, sosial dan kadang-kadang juga berupa kultural. Misalnya kaum-kaum berkasta rendah dalam agama Hindu tidak dibenarkan memegang kitab suci Veda, apalagi belajar membaca ‘surah-surah’ suci dari kitab tersebut. Hanya kaum Brahmin yang dibolehkan berbuat begitu.

Dalam konteks begini, bahasa seperti bahasa Sanskrit yang suci itu telah menjadi sebagai senjata kaum atasan untuk terus memegang kuasa terus-menerus ke atas orang-orang berkasta rendah. Ini dilakukan hanya dengan menghalang mereka daripada mempelajari bahasa suci tersebut.

Dalam sosiolinguistik ada konsep “bahasa untuk diskriminasi”, jarak bahasa, *language for exclusion* dan yang bersamaan dengannya. Jelasnya, tanpa mengetahui sesuatu bahasa, keadaan seseorang atau sesuatu golongan itu adalah lemah – seperti ‘tidak bersenjata’ kerana tidak mempunyai alat untuk ‘membaca’ apa lagi memahami golongan yang menggunakan bahasa yang tidak diketahui. Maka dengan mengetahui sesuatu bahasa itu seolah-olah memiliki senjata bagi mempertahankan diri dari kekuasaan sesuatu golongan. Boleh juga digunakan untuk meraih faedah dan kuasa yang diwarisi masyarakat budaya yang lain.

## **Bahasa adalah Senjata Mencari Ilmu**

Bahasa sebagai alat atau senjata untuk menguasai ilmu telah disadari sejak seruan awal peradaban dunia terutama sejak seruan Islam bermula. Setiap orang, lelaki atau wanita diwajibkan menuntut ilmu tidak kira apakah bahasa

yang digunakan untuk mempelajari ilmu tersebut. Bahkan untuk mempelajari ilmu tentang musuh, senjata yang terbaik ialah mengetahui bahasa dan adat resam musuh itu.

Bahasa merupakan alat utama untuk menyampaikan dan menerima segala ilmu yang terkandung dalam khazanah dunia ini termasuk menyebarkan dan menurunkannya kepada generasi akan datang. Mengkomunikasikan sesuatu ilmu termasuk sains dan teknologi tersebut kepada manusia lain atau supaya disampaikan dan dimanfaatkan oleh orang lain, biasa dilakukan dalam bahasa yang ‘menguasai ilmu pengetahuan’ tersebut.

Sudah menjadi tabii alam bahawa ilmu atau pengetahuan pertama atau paling awal bagi seseorang kanak-kanak disampaikan oleh ibu bapa dan kemudian dikuasai olehnya melalui bahasa ibunda masing-masing. Di dalam al-Quran secara terang Allah berfirman, bahawa Dialah yang mencipta manusia dan mengajar manusia berbicara (iaitu berbahasa) secara terang.

Dengan memiliki bahasa ini seseorang kanak-kanak dapat mempelajari lebih banyak ilmu, sesuai dengan sifat manusia yang selalu ingin memahami alam semesta dan mempunyai kemampuan memandang atau merenung ke belakang (masa lalu), sekarang dan yang akan datang. Lebih banyak bahasa yang diketahuinya maka lebih banyak pintu ilmu yang dapat dibukanya.

Maksud di sini ialah bahasalah yang menjadi alat utama pengeluaian dan penyebaran ilmu kepada warga masyarakat, punca segala kemajuan moden kepada seberapa banyak individu dalam dunia ini.

### **Kepentingan Ilmu dalam Islam**

Sumbangan Islam dalam penciptaan dan penyebaran ilmu amat besar. Ilmu dalam pandangan Islam ialah suatu hakikat kebenaran dari Allah s.w.t. tentang segala makhluk dan ciptaan-Nya di dunia ini – di bumi, langit, angkasa dan seluruh cakerawala. Ilmu yang merupakan hak dan milik Allah s.w.t. diamanahkan oleh Tuhan dan dikurniakan kepada manusia yang diberi akal untuk berfikir dan mencarinya. Ilmu yang hakiki ialah ilmu yang dapat menemukan manusia kepada Penciptanya.

Oleh yang demikian, ilmu, atau ‘ilm’ dalam bahasa Arab, adalah sesuatu yang sangat mustahak dan perlu dikuasai oleh manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Dalam agama Islam ilmu pengetahuan itu hendaklah digunakan ke jalan yang membawa manfaat kepada manusia dan tidak harus digunakan untuk membawa bencana kepada alam dan manusia.

## Tradisi Pendidikan Islam

Menuntut ilmu secara formal atau pendidikan disebut “*tarbiah*” dalam bahasa Arab, iaitu nama terbitan yang berasal daripada kata dasar “*rabba*” yang bererti “mengasuh, memelihara atau memimpin”, juga boleh diertikan sebagai “memiliki, mentadbir, menguasai, memperbaiki selain erti memimpin dan mendidik.” Kata dasar “*rabba*” itu juga mempunyai pengertian yang sama dengan kalimah “*addaba*” iaitu kata dasar yang membentuk nama terbitan “*takdib*”. *Addaba* juga bererti ‘mendidik atau mengajar adab atau membentuk akhlak’. Istilah *takdib* dari segi terminologinya, memberi makna bahawa dalam proses mendidik atau membentuk, seseorang individu yang terdidik mempunyai kemampuan dalam mengembangkan segala potensinya. Peribadi, sikap, watak atau sahsiah diri harus selaras dengan *sibghah* atau acuan pembentukan yang ditentukan atau diredai Allah s.w.t.

Pakar-pakar pendidikan Islam meyakini bahawa pendidikan yang sebenar dan bersifat *ideal* ialah pendidikan *rabbani*, iaitu berpunca dari Allah s.w.t. Dengan kata lain, pendidikan manusia dalam semua aspek pembentukan sama ada dari segi jasmani, rohani, akal mahupun dari segi sosial, hendaklah bersumberkan al-Quran dan Sunah Rasulullah s.a.w. Justeru itu, falsafah, konsep serta matlamat pendidikan Islam berkait rapat, harus sejajar dan mempunyai sebatian dengan roh al-Quran serta perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. (Haji Abdullah Ishak, 1995).

Matlamat pendidikan Islam ialah untuk melahirkan individu yang serba lengkap, sama ada dari segi rohani dan jasmani, mahupun dari segi material ataupun sosial, bagi mencapai kebahagiaan hidup keredaan Allah s.w.t. Insan kamil dan mukmin yang bertakwa untuk mengabadikan diri kepada Allah s.w.t menjadi matlamat terakhir.

Menurut Islam, pendidikan manusia bermula sejak kejadian Nabi Adam a.s., manusia pertama dan bapa kepada semua manusia. Allah s.w.t. bukan sahaja membentuk dan menyempurnakan tubuh, wajah fizikalnya supaya sesuai menghadapi struktur penghidupan dan masalah di dunia, bahkan membentuk dan membimbing aspek-aspek spiritual supaya bersesuaian dengan kehidupan sosialnya yang merangkumi kedua-dua aspek, rohani dan jasmani bagi melayakkan diri sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Dalam satu persidangan, iaitu Muktamar Pendidikan Islam Sedunia Kali Kedua, yang diadakan pada tahun 1980, di Islamabad, Pakistan, pakar-pakar pendidikan bersetuju merumuskan pendidikan Islam seperti berikut:

*“Education should aim at the balanced growth of the total personality of man through the training of man’s spirit, intellect, the rational*



*self feeling and body senses. Education should therefore cater for intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic both individually and collectively and motivate all these aspects toward goodness and attainment of perfection. The ultimate aim of Muslim education lies in the realization of the complete submission to Allah on the level of individual, the community and humanity at large."*

Dari segi mesej yang disampaikan kepada umat Islam, perisytiharan ini tidak banyak berbeza dengan apa yang disampaikan dalam puisi-puisi sufistik tentang ilmu dan keajaiban serta kehebatan ilmu yang dicari-cari. Hanya bahasa dan stail atau gaya yang berbeza. Bahasa ialah kunci untuk membuka pintu ilmu.

### **Sumbangan Islam dalam Pendemokrasian Bahasa dan Ilmu**

Dilihat daripada perspektif demokrasi dan hak-hak asasi individu, sumbangan Islam dalam pendemokrasian bahasa dan ilmu sangat besar. Sebelum kuasa-kuasa besar dunia yang lain mewajibkan tuntutan terhadap ilmu pelajaran kepada kanak-kanak sedunia, Islam telah melakukannya. Digalakkan umat Islam mempelajari bahasa dan memperoleh ilmu supaya dapat kenal-mengenal antara satu sama lain. Bahasa, di sini dilihat sebagai satu alat atau senjata untuk menjalin persefahaman antara manusia yang pelbagai aneka rupa, bangsa dan budaya.

Bahasa juga menjadi alat perpaduan ummah. Umum mengetahui bahawa perpaduan umat Islam amat rapat terhadap saudara-saudara seagamanya. Ini dilakukan melalui bahasa Arab yang menjadi lambang perpaduan Islam bukan sahaja dari segi sejarahnya tetapi juga secara praktis. Melalui surah-surah khas dalam ritual sembahyang seluruh umat Islam, tidak kira bangsa, jantina atau warna kulit dan tingkat sosial – bersatu dalam satu bahasa unggul apabila menghadapi Tuhan yang Maha Kuasa.

### **Pendekatan untuk Memperkukuh Peradaban Melayu**

Untuk mengukuh peradaban Melayu seharusnya diutamakan pembentukan dan perkembangan ilmu menurut landasan falsafah pendidikan Islam. Aspek tersebut tidak dapat dijayakan melainkan menerusi kurikulum pendidikan jagatraya (universal) yang berkesan dan relevan. Alat untuk mencapai wawasan pendidikan ilmu berlandaskan Islam ini pastilah melalui bahasa yang sesuai untuk menguasai ilmu duniawi dan ukhrawi tersebut.

Telah dibuktikan bahawa perkembangan dan ledakan ilmu setelah

kedatangan Islam telah dapat meningkatkan peradaban bangsa Arab. Semasa Islam baru diperkenalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kebanyakan orang-orang Arab buta huruf ; ketika itu, didapati orang-orang Quraisy yang pandai membaca dan menulis hanya baru berjumlah 17 orang sahaja.

Kelahiran agama Islam di Semenanjung Arab telah merubah struktur kemasyarakatan dan kebudayaan penduduknya. Antara perubahan besar yang jelas kelihatan selain dari kepercayaan agama dan tatacara hidup ialah pandangan dan perlakuan terhadap ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Rasulullah memerintahkan umatnya supaya membaca iaitu, mempelajari ilmu pengetahuan.

Ayat pertama, *Iqra'* bermaksud:

*Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah.*

(*Surah al-'Alaq, 96: 1-2*)

Konsep belajar dan menuntut ilmu sepanjang hayat diperkenalkan kepada seluruh masyarakat walaupun Rasulullah sendiri tidak *literate* (buta huruf). Sabda baginda:

*Menuntut ilmu ialah satu kewajipan ke atas setiap Muslim.*

Tuntutan ini adalah untuk semua insani, tidak kira perempuan atau lelaki, tidak kira kaum bangsawan atau orang biasa, tidak kira apa-apa bangsa, atau warna kulit. Pendidikan ialah hak setiap individu. Lama setelah seruan Islam ini dibuat, barulah dunia Barat sedar tentang kepentingan pendidikan yang sebegini. Kesedaran tentang pentingnya ilmu dalam ekonomi moden diaplikasikan dalam wawasan pendidikan banyak negara maju. Konsep 'ekonomi berteras ilmu' menjadi slogan yang mendapat kepedulian tinggi dalam kalangan para cendekiawan dan masyarakat umum.

Ilmu yang dimaksudkan bukanlah ilmu agama sahaja, tetapi segala macam ilmu yang memberi manfaat kepada manusia. Dalam zaman moden, dunia ilmu dalam istilah sains dan teknologi telah dipelopori oleh Barat yang dapat memanfaatkan sumber-sumber ilmu daripada cendekiawan Islam khususnya pada zaman Islam berkembang di Sepanyol.

Ilmu sains yang ditakrifkan sebagai satu cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan atau fakta-fakta dengan cara yang sistematik dan serasi dengan hukum-hukum umum yang melandasi peradaban dunia moden. Sains merupakan satu proses untuk mencari dan menemui sesuatu kebenaran melalui pengetahuan (ilmu) dengan memahami tabii makhluk, untuk menerangkan hukum-hukum alam, dan undang-undang atau peraturan tabii semula jadi.

Sains memberi pengiktirafan kepada sumbangan pemikiran manusia dalam menguasai ilmu pengetahuan itu, dan ini dikembangkan di seluruh alam semesta. Proses *mencari kebenaran, secara mencari jawapan kepada soalan-soalan secara yang sistematik*, dinamakan pendekatan saintifik dan ini menjadi jentera perkembangan teknologi yang menjadi salah satu unsur terpenting peradaban manusia. Ilmu sains sangat-sangat digalakkan untuk perkembangan dan kemajuan kemanusiaan, begitu juga dengan teknologi.

Teknologi berasal daripada perkataan 'tekne' yang bermakna kecekapan atau kemahiran (*skill*) atau pertukangan (kraf) iaitu sebagai cara-cara yang digunakan oleh manusia dalam mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran atau kraf untuk mencapai tujuan tertentu.

Kemahiran pula boleh dicapai (*accomplish*) dengan memiliki ilmu pengetahuan dan kebolehan atau kemampuan sedangkan kraf yang bererti kekuatan atau tenaga (*strength, power* atau *force*) diperolehi dengan kemahiran dan pelaziman. Teknologi disimpulkan sebagai penggunaan ilmu pengetahuan secara yang bersistem untuk tujuan yang praktikal, amali yang memudahkan urusan kerja manusia.

Sains dan teknologi kedua-duanya berpusat kepada kemampuan akal dan pembangunan akal untuk pembentukan teori dan konsep, penyelidikan dan penciptaan dan penghasilan barangan dan lain-lain. Dan oleh kerana akal adalah anugerah Ilahi kepada manusia, maka ilmu pada asalnya berpunca dari Yang Maha Kuasa. Dengan demikian, sains dan teknologi adalah sejajar dengan semangat rasionalisme dan intelektualisme dan sufisme yang di bawa peradaban Islam.

## **Bahasa Melayu sebagai Seni dan Senjata Perkembangan Ilmu di Nusantara**

Bangsa Melayu sebelum memeluk agama Islam beragama Hindu Buddha dan animisme. Salah satu sebab mengapa kedua agama yang disebut terdahulu itu tidak berkembang hingga kepada golongan rakyat jelata ialah kerana penggunaan bahasa asing yang eksklusif dalam kalangan Brahman dan Kesateria Hindu yang menjauhkan diri daripada orang-orang di luar istana.

Agama Islam membawa bersama intelektualisme, rasionalisme, penguasaan dan perkembangan ilmu dalam peradaban Melayu. Dalam memperkembangkan Islam, para pendakwah ulama dan sufi dan saudagar Islam menggunakan bahasa Melayu. Kitab-kitab, hikayat ditulis dalam bahasa Melayu (bukan bahasa Arab) dan literasi tersebar di seluruh Dunia Melayu.

Kadar literasi orang-orang Islam adalah lebih tinggi dari negeri-negeri bukan Islam. Hanya kadang-kadang literasi yang dimaksudkan ialah “tahu mengaji” (Kamsiah, 2002). Dalam Dunia Melayu, satu revolusi pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Quran harus dilakukan supaya yang menjadi matlamat pencapaian **bukanlah** ‘sebutan’ atau cara *menyebut dengan betul* sahaja.

Fungsi bahasa sebagai alat komunikasi memang telah diterima secara tuntas oleh pakar-pakar bahasa dan juga masyarakat umum. Manusia dapat berkomunikasi secara yang paling berkesan melalui bahasa, bahkan kewujudan bahasa dianggap sebagai satu prasyarat bagi ukhawah pergaulan dan interaksi dalam sesebuah masyarakat walaupun tidak dapat dinafikan bahawa isyarat atau bahasa isyarat juga boleh meningkatkan pemahaman atau boleh mengkomplemen atau melengkapkan apa yang tidak dapat dibicarakan melalui bahasa.

Bahasa diucapkan sebagai tunjang jati diri atau identiti sesuatu masyarakat. Dalam masyarakat Melayu hubung kait antara bahasa dan bangsa amat rapat. Dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu atau Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan, isu-isu politik bahasa tidak terpisah dengan soal maruah bangsa, penakatan, kuasa politik, ekonomi dan jati diri Melayu. Sebagaimana dikata, bahasa menunjukkan bangsa dan jika direnung, kata-kata ini mempunyai maksud yang begitu dalam.

Dalam budaya Melayu kesantunan berbahasa menunjukkan kejernihan fikiran, ketinggian akhlak dan kemurnian akal budi. Menguasai sesuatu bahasa juga bererti menguasai segala santun dan peraturan yang dipersetujui dalam menggunakan bahasa tersebut. Umpamanya dalam kata alu-aluan, kata silaan, ketika berundur diri dan sebagainya seharusnya menggunakan bahasa beradab dan berperaturan yang tetap, tidak boleh diubah sesuka hati. Kemahiran dalam peringkat tertinggi seperti begini boleh menghasilkan “pertukangan yang bermutu”, boleh mencapai tahap “seni”, “budi” yang diidamkan. Oleh itu, budi bahasa pun adalah suatu seni.

Dalam perbincangan ini, “senjata” dikaitkan dengan kekuatan, kekuasaan (*power*) – oleh itu, *bahasa adalah senjata*. Keris melambangkan persenjataan Melayu yang paling mengagumkan. Dalam budaya Melayu silam, keris merupakan senjata yang begitu unik – pembuatannya adalah satu sintesis antara seni, praktis, dan efisiensi. Tikaman keris amat menyakitkan sehingga roh bercerai dari badan. Lelaki Melayu yang tidak berkeris di anggap tidak lengkap dalam berpakaian dan hilang wibawanya. Tetapi dalam zaman moden ini keris tidak digunakan lagi dan hanya dapat dikagumi di dalam muzium dan perhiasan yang tidak mempunyai kuasa.

Dalam memperkukuh peradaban Melayu dan supaya peradaban Melayu

berkuasa di dunia kini, pelbagai macam ‘senjata moden’ perlu dibuat dan dicipta selain berkeris.

Untuk mencapai tahap ketinggian, keindahan seni, memerlukan pengorbanan dan pengabdian terhadap seni itu atau perasaan cinta terhadap seni tersebut. Ini boleh ditakbirkan sebagai perasaan cinta terhadap bahasa Melayu itu. Untuk memiliki senjata bahasa yang paling tajam, paling berkesan seseorang perlu bekerja keras, berjuang bermati-matian memperlengkap senjata dalam menghadapi perjuangan hidup.

Oleh yang demikian dalam menghadapi persaingan dunia global kini, bahasa Melayu seharusnya menjadi senjata kita mempertahankan kewujudan dan jati diri kita sebagai insan yang berperadaban tinggi. Namun untuk sampai ke tahap kemajuan impian amat perlu bagi kita mencipta khazanah ilmu dan untuk ini kita juga harus bersedia menguasai bahasa-bahasa lain yang menjenterai ekonomi dan politik dunia hari ini.

Sikap bahasa dan usaha begini yang diperlukan dalam memperkukuh peradaban Melayu. Kita tidak harus hanya setakat memperlengkap korpus bahasa itu sendiri, mempertahankan kewujudan dan jati diri kita untuk menjadi insan yang berperadaban tinggi. Tetapi yang paling penting sekali ialah menyedari bahawa inti atau sari yang hendak dicari ialah ilmu. Kita seharusnya bersenjatakan ilmu.

Kedua-dua seni bahasa atau sastera boleh digali untuk pencarian, penciptaan, pengeluaran dan penjanaian ilmu. Dalam meninjau sastera Islam yang terpancar dalam sastera sembahyang, maulid dan zikir ini, Mana Sikana, 2003 menulis,

“Sastera dalam Islam adalah wadah dan alat untuk mengamalkan syariat Islam. Terdapat unsur-unsur universalisme yang mendekatkan manusia dengan manusia. Sastera Islam dapat dijadikan landasan ke arah penyatuan bahasa dan sastera Nusantara.”

Namun, andai kata senjata dan seni bahasa kita tidak dapat mencungkil ilmu – sama ada ilmu duniawi dan ukhrawi ke tahap yang dapat memberi kesan dan menyumbang kepada peradaban, kita harus bersedia untuk menggunakan senjata lain untuk sampai kepada kemuncak seni ilmu tersebut. Seajar dengan wawasan ini, kita harus bersedia menguasai seni dan senjata bahasa-bahasa global lain yang menjenterai ekonomi dan politik dunia hari ini.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi, W.M., 2001. "Tasawuf yang Tertindas: Kajian Hermeneutik terhadap Karya-karya Hamzah Fansuri". Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Abdul Hamid Zahwan, 2000. "Azimat dan Benda Bertuah". Solo: CV Aneka.
- Abdullah Ishak, 1995. "Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man, 1996. *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.B., 1993. "Puisi-puisi Tasawuf: Satu Kajian Teks". Jakarta: Universiti Leiden dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia.
- Darlan Zaini, 2001. *A Philosophical Inquiry Into Body Movements in Solat*. An-Nissa', Julai – Disember 2001.
- Darlan Zaini, 2002. "Aksara dan Angka Jawi dalam Tradisi Melayu". Dlm. "Teori Pemikiran Tamadun Melayu Editor", Mana Sikana, Paitoon Chaiyanara, Zubaidi Abas. Johor Bahru: Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan.
- Kamsiah Abdullah, 1998. "Bahasa Melayu sebagai Seni dan Senjata". Buku *Cenderamata Bulan Bahasa 1998: Bahasa Cemerlang, Bangsa Gemilang, Malay Language Council*, Singapore, Julai, 1998. hlm. 46–51).
- Kamsiah Abdullah, 2002. Kita Seharusnya Mencari Kaedah yang Lebih Bermakna Dalam 'Mengaji' Al-Quran. *Titian Bil.* 36 Jun 2002, hlm. 19–21.
- Mana Sikana, 2003. "Sastera Singapura dan Malaysia Diera Pasca-Moden", Singapura: Bersama Enterprise.
- Nardelli, R.C., 1957. *Some Aspects of Creative Reading*. *Journal of Educational Research*, 50, 595–508.
- Rumelhart, D.E., 1980. Scemata: *The Building Blocks of Cognition*. Dlm. R.J. Spiro, B.C. Bruce & W.F. Brewer (ed.). "Theoretical Issues in Reading Comprehension", Hillsdale, N.J.: Erlbaum. (hlm. 33–58).
- Torrance, E.P., 1962. *Guiding Creative Talent*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.